

( )

( )

مِصْرِيُونَ

الإِسْلَامِيَّة

مَنْوِيٌّ

( )

الأَخْلَاقِيَّة

Pakar-pakar agama (Islam) Mesir telah mengeluarkan satu fatwa yang mengharamkan mereka yang tidak mampu untuk bersalin daripada berpindah kepada cara “Ibu Tumpangan”. Iaitu suatu kaedah yang berasaskan “penanaman” benih-benih (sperma) daripada perempuan yang tidak berupaya untuk hamil ke dalam rahim perempuan lain yang mempunyai kemampuan tersebut.

Fatwa –yang dikeluarkan oleh “Dewan Penyelidikan Islam” di Universiti Al-Azhar Al-Syarif- menyatakan bahawa proses penghamilan wanita untuk sesuatu janin perempuan yang lain adalah bertentangan dengan Syariat Islam. Fatwa tersebut juga mengharamkan keinginan seseorang wanita untuk penghamilan menerusi air mani yang dibekukan bagi seseorang suami yang telah meninggal. Fatwa tersebut berpendapat bahawa seseorang perempuan tersebut bukan lagi sebagai isteri kepada si mati, kerana kematian telah memutuskan hubungan di antara kedua-duanya.

Satu kenyataan rasmi melaporkan kepada B.B.C. di Kaherah bahawa banyak isu-isu yang berkaitan dengan kemajuan perubatan -seperti penanaman sperma dalam rahim seseorang perempuan untuk pasangan suami isteri atau perempuan yang lain- adalah mempengaruhi banyak kesan moral di sisi ulamak Islam pada masa akhir-akhir ini.

	-1
...	-2
...	-3
	-4

عبر عما يأتي بالعربية :-

1. Kehamilan adalah proses yang ditunggu-tunggu oleh seorang isteri
2. Isteri yang hamil memerlukan persediaan yang cukup untuk proses kelahiran seseorang anak.
3. Sperma adalah asas pembiakan manusia.
4. Islam mengambil berat dalam menjamin kesucian sesuatu keturunan.
5. Hubungan suami isteri akan terputus apabila salah seorang meninggal dunia.
6. Islam tidak dapat menerima pendekatan “rahim tumpangan” untuk sesuatu proses kehamilan.
7. Fatwa adalah sumber rujukan terkini orang-orang Islam.
8. Orang Islam mestilah peka dengan perkembangan terbaru di sekeliling mereka.
9. Universiti Al-Azhar telah memberi sumbangan yang besar dalam menjaga kehormatan agama Islam.
10. Persoalan moral adalah ciri penting kepada sebuah masyarakat Islam.